



22 NOV, 2022

## MA Hannan saintis paling berpengaruh

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

## M A Hannan saintis paling berpengaruh

**PETALING JAYA** – Profesor Kejuruteraan Elektrikal Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Profesor Dr. M A Hannan mendapat pengiktirafan sebagai saintis paling berpengaruh di dunia daripada Clarivate Analytics melalui laporan Highly Cited Researchers<sup>TM</sup> 2022.

Pengiktirafan tersebut diterima hasil daripada penerbitan kajian yang signifikan dalam bidang kejuruteraan, terutamanya dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Uniten, M A Hannan secara konsisten telah menerbitkan 255 artikel dalam indeks *Web of Science*.

"Beliau merupakan antara penyelidik terhebat dari 69 negara yang mendapat pengiktirafan tersebut.

"Harapan beliau agar penghormatan dan pengiktirafan ini menjadi inspirasi kepada lebih ramai penyelidik dari Uniten untuk sentiasa tekun menjalankan penyelidikan yang akan membuah hasil penerbitan



**M A HANNAN**

jurnal berimpak tinggi, sekaligus mengharumkan nama negara," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Sementara itu, Naib Canselor Uniten, Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan M A Hannan yang telah berjaya meletakkan Uniten di persada global dalam kecemerlangan penyelidikan saintifik serta membawa kebanggaan kepada universiti dan negara.